



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
ARAS 6 - 10, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8885 6000
Fax : 03-8888 5036

SPA.S.(KT) 015/62(4)

9 Julai 2009

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Syahmi @ Muhammad Syahmi bin Jaafar)

Tuan,

PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN PEMBANTU TADBIR RENDAH (PTR) GRED N11, N14 DAN OPERATOR MESIN PROSESAN DATA (OMPD) GRED N11, N14 KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17, BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN

Dengan hormatnya surat tuan rujukan JPA.BK 173/27/2 (2) bertarikh 30 Jun 2009 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, N14 dan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14 ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia/Ketua Setiausaha Kementerian untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan kepada pegawai;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada 2.7.2009; dan
- (iv) mewakilkan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ini, Ketua Perkhidmatan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti yang ada di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009 kepada semua pegawai berkenaan dan mengemukakan jumlah pegawai yang terlibat kepada Suruhanjaya untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,



(RUSIHAN ARIFFIN BIN IBRAHIM)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.